

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR**

**MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN KE – 2 KUTKM  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:**

**MITC ANCASA**

**AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :**

**04 OGOS 2006**

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA PERASMIA  
MAJLIS PESTA KONVOKESYEN KE – 2 KUTKM  
PADA 04 OGOS 2006, BERTEMPAT DI MITC,  
MELAKA

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA  
MOHD KHALIL BIN YAAKOB  
CANSELOR  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN  
MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN  
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &  
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)  
MERANGKAP, PENGERUSI JAWATANKUASA  
PENGANJUR PESTA KONVOKESYEN KUTKM KALI  
KEDUA,

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
DAN BARISAN EXCO MPP,

SETERUSNYA MAHASISWA/I SERTA HADIRIN DAN  
HADIRAT YANG SAYA HORMATI

BERSYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH RAHMATNYA MAKA DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA UNTUK BERADA DI SINI BAGI MENYEMPURNAKAN PELANCARAN PESTA KONVOKESYEN KE 2 KUTKM INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB, CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA KERANA SUDI HADIR PADA MAJLISINI DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS PESTA KONVOKESYEN KE 2 KUTKM. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN TUAN YANG TERUTAMA TELAH MENAMBAHKAN SERI PADA MAJLIS PESTA KONVOKESYENINI.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKANTAHNIAH DAN SYABAS KEPADA

JAWATANKUASA PENGANJUR TERUTAMANYA KEPADA YBHG DATO' PROFESOR DR MOHD NOR BIN HUSAIN DAN SELURUH AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA KERANA TELAH BERUSAHA GIGIHI BAGI MENJAYAKAN PESTA KONVOKESYEN KE 2 KUTKM YANG TELAH BERMULA DARI 03 SEHINGGA 07 OGOS NANTI.

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MASIH MUDA TENTULAH SEMANGAT KERJA BERPASUKAN DAN SALING BEKERJASAMA DI KALANGAN STAF BAGI MENJAYAKAN PROGRAM DAN AKTIVITI UNIVERSITI SEPERTIINI AMAT PENTING. IA PERLU DIJADIKAN SATU BUDAYA DEMI MENCAPAI KECEMERLANGAN UNIVERSITI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

PENGANJURAN PESTA KONVOKESYENINI ADALAH BERSEMPENA DENGAN MAJLIS KONVOKESYEN KE 2 KUTKM YANG AKAN BERLANGSUNG PADA 05 DAN 06 OGOS 2006.

SEPERTI JUGA UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN, PENGANJURAN PESTA KONVOKESYEN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MERAIKAN GRADUAN-GRADUAN UNIVERSITI YANG MENERIMA DIPLOMA, IJAZAH ATAU PENGHORMATAN MASING-MASING. IA ADALAH MAJLIS PENGHARGAAN UNIVERSITI KEPADA PARA PELAJAR YANG BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIANNYA.

SELAIN ITU PENGANJURAN PESTA KONVOKESYENINI TELAH MEMBERI PELUANG PERNIAGAAN KEPADA WARGA UNIVERSITI SAMA ADA STAF MAHUPUN PELAJAR. IA SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MERANGSANG DAN MENDORONG MINAT WARGA UNIVERSITI KE ARAH PERNIAGAAN.

MAJORITI PENIAGA DI PESTA KONVOKESYEN HARIINI ADALAH TERDIRI DARIPADA USAHAWAN TEMPATAN KHUSUSNYA USAHAWAN NEGERI MELAKA. MEREKA MENJUAL PELBAGAI PRODUK DAN PERKHIDMATAN SEPERTI PAKAIAN, KENDERAAN, BARANGAN CENDERAHATI, BUKU, KOMPUTER, PERALATAN KOMUNIKASI, PRODUK KESIHATAN DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

PESTA KONVOKESYEN KALI INI DIADAKAH DI PUSAT DAGANGAN ANTARABANGSA MELAKA. IA DIMERIAHKAN DENGAN PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI UNTUK PENGUNJUNG.

ANTARA AKTIVITI YANG DIRANCANG DAN BAKAL BERLANGSUNG IALAH FORUM PERDANA EHWAJ ISLAM, PERTUNJUKKAN KEBUDAYAAN, SUKAN,

TAKLIMAT KERJAYA, SENAMROBIK DAN SEBAGAINYA.

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KUTKM UNTUK SENTIASA MEMAINKAN PERANANNYA MEMBANGUNKAN MASYARAKAT DENGAN ILMU. UNTUK ITU PESTA KONVOKESYEN YANG DIADAKANINI ADALAH BERKONSEPKAN PENDIDIKAN KEPADA MASYARAKAT SELAIN HIBURAN YANG BERMANFAAT.

TERDAPAT SEBANYAK 200 GERAI DAN RUANG JUALAN YANG DISEDIAKAN HARI INI. PELBAGAI BARANGAN DAN PEKHIDMATAN SEDIA MENANTI PENGUNJUNG ANTARANYA IALAH GERAI MAKANAN DAN MINUMAN SERTA BOOTH AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA SEPERTI TOURISM MALAYSIA, PTPTN, MAJLIS LATIHAN VOKASIONAL MALAYSIA (MLVK), TAKAFUL NASIONAL, INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEPERTI KUKUM, KUITTHO DAN KOLEJ KOMUNITI,

PIHAK BANK DAN PELBAGAI LAGI YANG SEDIA UNTUK MEMBERI INFORMASI KEPADA PENGUNJUNG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

SELAIN ITU JUGA TERDAPAT PENYERTAAN INDUSTRI DAN SYARIKAT YANG MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN DAN KERJAYA KEPADA PENGUNJUNG TIDAK SAHAJA KEPADA PARA GRADUAN TETAPI JUGA KEPADA SESIAPA SAHAJA YANG BERMINAT. INDUSTRI DAN SYARIKAT YANG MENYERTAINYA ADALAH TERDIRI DARI PELBAGAI BIDANG SEPERTI ELEKTRONIK, PEMBUATAN DAN PERBANKAN YANG MENGADAKAN TEMUDUGA SECARA TERBUKA.

DENGAN CARA INI PIHAK UNIVERSITI TELAH MENGAMBIL LANGKAH YANG PROAKTIF KEPADA

PARA GRADUAN DAN MASYARAKAT SETEMPAT BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENDAPAT PEKERJAAN DAN MENGURANGKAN PENGANGGURAN. DALAM DUNIA YANG SEMAKIN BERSAING UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN, SEHARUSNYA PELUANG SEUMPAMAINI PERLU DIREBUT OLEH PARA GRADUAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

KEHADIRAN ORANG RAMAI KE TAPAK PESTA DI SINI TIDAK SAHAJA DATANG DARI NEGERI MELAKA TETAPI JUGA DARI NEGERI-NEGERI LAIN DI SELURUH MALAYSIA.INI KERANA GRADUAN YANG BERGRADUAT PADA KONVOKESYEN KALI INI TERDIRI DARI PELBAGAI NEGERI TERMASUK SABAH DAN SARAWAK. MEREKA HADIR BERSAMA KELUARGA MASING-MASING UNTUK MERAIKAN ANAK-ANAK DAN SAUDARA MARA MEREKA.

SECARA TIDAK LANGSUNG PENGANJURAN PESTA KONVOKESYENINI DAPAT MENJAYAKAN HASRAT KERAJAAN NEGERI MELAKA UNTUK MENJADIKAN BIDANG PENDIDIKAN SEBAGAI SUB SEKTOR INDUSTRI PELANCONGAN YANG MENARIK ORANG RAMAI KE NEGERIINI. KUTKM SENTIASA KOMITED UNTUK SEIRING DENGAN USAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA MEMAJUKAN BIDANG PENDIDIKAN BAGI MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN DAN EKONOMI NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI

SAYA SEKALI LAGI MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SEMUA PENGUNJUNG DAN SEMOGA PESTA KONVOKESYENINI AKAN MEMBERI KEPUASAN DAN KENANGAN INDAH KEPADA PARA PENGUNJUNG.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK  
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN  
KEPADATUANYANG TERUTAMA TUN DATUK SERI  
UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB, CANSELOR  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKALKEBANGSAAN  
MALAYSIA KERANA TELAH BANYAK MEMBERI  
PANDANGAN DAN KOMITMEN UNTUK MEMBAWA  
KUTKM KE MERCU KECEMERLANGAN.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH  
WASSALAMUALIKUM WRTH WBT.

SAYA AKHIRI UCAPAN SAYAINI DENGAN  
SERANGKAP PANTUN.

HALAMANTUAN LAPANG SEKALI  
TUMPANGKAN HAMBA MENDAMAI DIRI  
BERTEMU KITA SEKALIINI  
SEBUTLAHKUTKM DI SANA SINI